


PKAPP MERAIH PENCAPAIAN 5 BINTANG

Oleh Ts Dr Mohd Samsudin Abdul Hamid

Tahun 2021 merupakan tahun yang penuh dengan cabaran disebabkan perubahan cara kerja yang beralih kepada atas talian. Namun begitu, situasi ini tidak menghalang Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, UiTM Cawangan Pulau Pinang untuk mencapai 'Performance Indicator' yang telah diberikan oleh Unit Strategik Tranformasi Universiti (USTU), UiTM Cawangan Pulau Pinang bagi mencapai Pelan Strategik UiTM 2025. UiTM Cawangan Pulau Pinang telah secara keseluruhannya telah diberikan pengiktirafan 6 Bintang dengan pencapaian 96.2% dan meletakkan UiTM Cawangan Pulau Pinang di kedudukan kelima dalam kalangan kampus cawangan UiTM. Sebanyak 31 'Performance Indicator' telah diberikan kepada PKAPP di bawah 4 projek utama iaitu Rektor, Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa, Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni, dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Secara keseluruhannya, PKAPP telah mencapai 75% daripada 31 'Performance Indicator' yang telah diberikan dan meletakkan PKAPP mencapai 5 Bintang dalam skala penarafan. Selain itu, di peringkat kampus juga PKAPP berada pada kedudukan kedua keseluruhan pencapaian dan memperbaiki kedudukan ketujuh pada tahun sebelumnya. Dalam pada itu, sebanyak 21 'Performance Indicator' telah mencapai 100 peratus dan hanya 10 'Performance Indicator' sahaja yang tidak mencapai sasaran disebabkan beberapa factor yang melibatkan aktiviti secara bersemuka. Unit Perancangan Strategik, Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua unit di dalam pusat pengajian yang telah memberikan kerjasama dalam mengumpul data pencapaian yang menyumbang kepada perkara ini. Dalam pada itu, kerjasama daripada semua warga akademik dan sokongan PKAPP juga telah membantu pencapaian keseluruhan pada tahun 2021. Pihak unit juga ingin merakamkan penghargaan kepada beberapa pencapaian yang luar biasa oleh PKAPP iaitu penerbitan jurnal dan prosiding, penyelidikan melalui geran kebangsaan, hak cipta, dan memorandum persefahaman bersama industri dan universiti, dan penglibatan staf di dalam keahlian professional dan kesukarelawanan. Pencapaian ini perlu diteruskan pada tahun 2022 bagi memastikan peningkatan pencapaian keseluruhan dan meletakkan PKAPP sebagai jabatan yang terbaik di UiTM Cawangan Pulau Pinang.



Sumber: Unit Strategik Tranformasi Universiti, UiTM Cawangan Pulau Pinang